



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBRS. TUAN MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN
MALAM SILANG BUDAYA PERPADUAN SEMPENA
SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN
PERINGKAT WP LABUAN TAHUN 2024**

27 APRIL 2024 (SABTU)

7.00 MALAM

TLK GELANGGANG LAWN BALL, WP LABUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/ saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan Izin-Nya jua kita dapat berkumpul bersama pada hari ini bagi menjayakan **Program Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.**
2. Terlebih dahulu saya ingin **mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Encik Simsudin bin Sidek, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan** serta semua jemputan atas kesudian untuk hadir bersama-sama pada **'Majlis Malam Silang Budaya Perpaduan'** pada malam ini.
3. Ucapan terima kasih juga kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Wilayah Persekutuan Labuan** selaku **penganjur Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Tahun 2024** kerana sudi menjemput saya hadir dan seterusnya merasmikan majlis ini.

SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

4. Pelaksanaan program Sambutan Minggu Perpaduan ini diadakan bertujuan untuk **mengukuhkan semangat patriotisme, perpaduan dan merapatkan lagi hubungan antara kaum** yang ada selaras dengan konsep Malaysia MADANI.
5. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan aktiviti bagi Sambutan Minggu Perpaduan ini telah dirangka supaya dapat **melibatkan pelbagai pihak Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Pemimpin Masyarakat, Pemimpin-pemimpin Persatuan Etnik, Pemimpin-pemimpin Agama, Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** yang memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti yang dapat memperkukuh lagi nilai-nilai perpaduan, kasih sayang, hormat menghormati serta menghargai kemakmuran.
6. Saya yakin pengisian aktiviti Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Tahun 2024 di Wilayah Persekutuan Labuan ini dapat **mencapai matlamat tersebut selaras dengan hasrat Kerajaan bagi mewujudkan masyarakat MADANI.**
7. Pameran Rumah KAMI dan aktiviti Malam Silang Budaya pada malam ini adalah merupakan satu contoh dan usaha yang baik untuk **memberi ruang dan peluang kepada para pengunjung untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman** terhadap aktiviti, makanan, perayaan, adat dan budaya sesuatu etnik.

8. Program ini juga menggalakkan individu dan masyarakat secara keseluruhannya untuk lebih **memahami dan tahu adat resam dan budaya etnik/ suku kaum yang berlainan** serta dapat memainkan peranan masing-masing dalam **mengukuhkan lagi semangat perpaduan** terutamanya dalam kalangan masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan.
9. Pendek kata, program ini secara tidak langsung akan **memupuk rasa 'Faham, Hormat dan Terima' dalam kalangan masyarakat** agar kita lebih mengenali dan mencintai setiap **perbezaan serta keunikan** yang pelbagai di Malaysia.

JELAJAH KEMBARA PERPADUAN

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

10. Bersempena dengan Sambutan Minggu Perpaduan tahun 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan **Siri Jelajah Kembara Perpaduan** yang akan menjelajah ke enam (6) lokasi. **Labuan merupakan lokasi atau destinasi ketiga (ke-3)** bagi siri jelajah ini selepas Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, sekali gus merayakan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan.
11. Jelajah Kembara Perpaduan merupakan **simbolik pergerakan kapsul Sambutan Minggu Perpaduan bagi mengumpulkan Hasrat dan Harapan Rakyat Malaysia** mengikut kluster-kluster di bawah Teras Strategik Kerangka Malaysia MADANI di setiap lokasi.

12. Hasil tersebut akan **dibawa ke Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan** yang akan dilaksanakan di Negeri Johor pada 23 hingga 26 Mei 2024 nanti.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

13. Saya bagi pihak Kementerian Perpaduan Negara mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa sukacita dan **ucapan terima kasih kepada pihak Perbadanan Labuan** khususnya, atas jalinan kerjasama strategik dan kesudian untuk bersama-sama memeriahkan Sambutan Minggu Perpaduan serentak dengan Program Labuan International Sea Challenge pada tahun 2024 ini.
14. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua Agensi-agensi Kerajaan dan Persatuan-persatuan Etnik, Kawasan Rukun Tetangga di Labuan ini yang telah bersama-sama dari awal pelaksanaan program hingga ke hari terakhir nanti, di atas sokongan dan kerjasama jitu yang diberikan.
15. Semoga kerjasama seperti ini akan dapat diteruskan lagi di masa akan datang. Syabas dan tahniah kepada seluruh Jawatankuasa Pengelola di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Labuan atas pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan ini.

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:-

*Ke Pulau Labuan memancing ikan
Ikan dipancing untuk dimakan
Terima kasih kami ucapkan
Segala kerjasama yang diberikan*

17. Oleh itu, dengan sukacitanya **saya merasmikan 'Malam Silang Budaya Perpaduan sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bagi Tahun 2024'**.

Sekian, terima kasih.